



**TEKS UCAPAN**  
**YAB MENTERI BESAR PERAK**  
**IPOH INTERNATIONAL ART FESTIVAL 2021**  
**11 DISEMBER 2021, 9.30 PAGI DI PORT IPOH**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bismillahirrahmanirahim

**[SALUTASI]**

1. Bersyukur kita kepada hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya juga, dapat kita berhimpun pada Majlis Perasmian Ipoh International Art Festival (IIAF) 2021 yang kini masuk tahun kedua penganjurannya.
2. Saya dimaklumkan, ketika kali pertama diadakan pada tahun 2020, festival ini hanya dapat dibuat secara dalam talian sebagai pra-festival akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pada waktu itu.
3. Syukur Alhamdulillah, memandangkan keadaan pandemik COVID-19 sudah agak terkawal, akhirnya kita dapat mengadakan festival ini secara fizikal. Pun begitu, saya menasihatkan diri saya dan kita semua untuk sentiasa mengamalkan SOP agar mudah-mudahan, kesihatan kita sentiasa terpelihara, Insya-Allah.

4. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada PORT di atas inisiatif menganjurkan festival seni yang mempunyai daya impaknya tersendiri.
5. Dengan penganjuran festival ini, orang ramai terutamanya peminat seni akan berpeluang menyaksikan pameran karya-karya seni visual moden dan kontemporari oleh hampir 50 seniman ternama serta berpeluang mengikuti bengkel-bengkel seni yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh jemputan.
6. Saya dimaklumkan oleh Puan Nur Hanim bahawa festival kali kedua ini turut mendapat kerjasama Japan Foundation, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Ipoh selain sokongan daripada Kementerian Kesenian, Kebudayaan & Pelancongan Malaysia) melalui Tourism Malaysia dan Balai Seni Negara. Tahniah saya ucapkan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Selain sebagai satu tarikan pada setiap akhir tahun, festival ini boleh dijadikan titik pertemuan di antara pelbagai generasi dan kaum untuk saling mengenali, memahami, dan menghormati amalan budaya dan kepercayaan masing-masing.
8. Seiring dengan tema festival pada tahun ini iaitu “Budi: Pemanjangan Tradisi”, sikap luhur, rendah diri dan kebijaksanaan dalam mendepani cabaran-cabaran dunia baru seharusnya diserahkan melalui karya-karya seni kreatif dan dipanjangkan kepada khalayak.
9. Saya percaya, melalui pendekatan sebegini, ia tentunya dapat menjadi pemangkin dan pencetus kepada pemikiran-pemikiran baru sekaligus

mendidik kita untuk mendepani cabaran-cabaran yang semakin rendam dalam aspek kehidupan.

10. Saya juga amat berkeyakinan, penganjuran IIAF 2021 ini berupaya membawa mesej yang jelas kepada masyarakat khususnya kepada warga Perak Darul Ridzuan, bahawa seni juga boleh memainkan peranan yang sama penting dengan bidang-bidang profesional yang lain.
11. Pameran seni kontemporari, seni instalasi, pameran fotografi, persembahan muzik, bengkel dan forum – semua ini bukan sahaja menonjolkan keunikan, malah mengajar kita untuk lebih menghargai seni dan kreativiti sebagai inspirasi kepada kehidupan manusia.
12. Justeru, penganjuran festival yang sarat dengan pelbagai dimensi ilmu ini diharapkan boleh menjadi satu gelanggang yang dapat menanam kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan kekuatan seni dan budaya.
13. Saya yakin, dengan sokongan padu pelbagai pihak, termasuk para tokoh seniman dan budayawan tidak kira dalam bidang seni rupa, sastera, muzik, filem dan sebagainya, serta dukungan pelbagai agensi dan syarikat kerajaan dan swasta, festival seni ini mampu diteruskan setiap tahun dan menjadi acara yang dinanti-nantikan oleh orang ramai.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan artistik dan urusetia festival, para seniman undangan, peserta-peserta program dari sekolah dan universiti tempatan, persatuan serta kolektif seni di atas kerja keras anda semua untuk menjayakan festival ini.

15. Mudah-mudahan, atas inisiatif dan komitmen berterusan anda semua dalam memartabatkan seni dan budaya demi membangunkan masyarakat akan sentiasa diberkati.
16. Dengan lafaz Bismillahirrohmanirrohim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Ipoh International Art Festival 2021**.

Wabillahitaufiq    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.